

# Mangsa kebakaran sebak terima rumah baharu

**I**BU kepada tiga orang anak, Zuriani Mat Rawi, 45, meluahkan rasa syukur apabila menerima rumah baharu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas kediamannya di Projek Perumahan Rakyat (PPR), Air Panas terbakar baru-baru ini.

Disebalik dugaan tersebut, Zuriani tidak menyangka DBKL memberi rumah lain buatnya hanya dalam tempoh 24 jam selepas kediamannya terbakar akibat litar pintas.

"Terima kasih di atas keprihatinan dan bantuan yang sangat pantas DBKL, persatuan penduduk termasuklah Datuk Afdlin Shauki selaku Ahli Lembaga Penasihat DBKL kerana sudi membantu keluarga kecil saya," katanya.

Berkongsi mengenai kejadian tersebut, Zuriani berkata dia menyedari rumahnya terbakar selepas menerima pesanan mesej daripada kumpulan WhatsApp perumahan.

"Ketika kejadian itu saya berada di pejabat, lebih kurang pukul 10.30 pagi saya dapat mesej ada berlaku kebakaran di



**ZURIANI** ketika menerima kunci rumah baharu, baru-baru ini.

Tingkat 12 pintu 10.

"Jadi, saya terus hubungi anak untuk balik ke rumah dahulu sementara saya sampai. Setibanya anak di rumah, bomba sudah ada dan dia tidak dibernarkan masuk," katanya yang masih terkejut dengan kejadian itu.

Menurut Zuriani, punca kebakaran tersebut disebabkan litar pintas di bahagian plug peti ais dan mengakibatkan 60 peratus bahagian rumahnya

terbakar.

Lebih menyedihkan, Zuriani memberitahu dia kini kehilangan rumah yang menyimpan 1001 kenangan bersama anak-anaknya.

"Rumah inilah saksi saya membesarakan mereka ketika bergelar ibu tunggal. Jadi bila tengok rumah sudah terbakar, saya sangat sedih sebab banyak kenangan pahit manis yang pernah dilalui," ujarnya.